



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perlembagaan (Pindaan) 1978
DR.19/1978

Naskah sah—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dan juga untuk membuat peruntukan-peruntukan tertentu bagi menguatkuasakan Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland berhubung dengan pencen dan lain-lain perkara yang berkenaan dengannya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1978.

Tajuk ringkas.

2. (1) Perkara 45 Perlembagaan adalah dipinda—

Pindaan bagi Perkara 45.

(a) dengan memasukkan selepas sahaja Fasal (1) (a) yang berikut—

“(aa) dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong; dan”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “tiga puluh dua” dalam Fasal (1) (b) dengan perkataan-perkataan “empat puluh”; dan

(c) dengan menggantikan perkataan “enam” dalam Fasal (3) dengan perkataan “tiga”.

(2) Bagi maksud menguatkuasakan pindaan-pindaan yang dibuat oleh seksyen-seksyen kecil (1) (a) dan (1) (b), Yang di-Pertuan Agong hendaklah dengan seberapa segera yang praktik selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, melantik apa-apa bilangan ahli-ahli tambahan yang perlu ke Dewan Negara untuk mengadakan bagi Dewan Negara bilangan penuh ahli-ahli yang dilantik yang diperlukan berikutan dengan pindaan-pindaan tersebut.

(3) Pindaan yang dibuat oleh seksyen-kecil (1) (c) adalah tidak dipakai bagi tempoh jawatan ahli Dewan Negara yang dipilih atau dilantik sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini:

Dengan syarat bahawa jika seorang ahli Dewan Negara tersebut mati atau terhenti menjadi ahli sebelum tamat tempoh jawatannya, tempoh jawatan orang yang dipilih atau dilantik kemudiannya untuk mengisi kekosongan yang berikutan itu tidak boleh, walau apapun peruntukan-peruntukan seksyen 8 Jadual Ketujuh kepada Perlembagaan, lebih daripada tiga tahun.

Pindaan
bagi
Perkara
135 (2).

3. Perkara 135 (2) Perlembagaan adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (d) dalam proviso dengan koma bernoktah; dan

(b) dengan menambah selepas sahaja proviso itu yang berikut—

“Dengan syarat selanjutnya bahawa bagi maksud Perkara ini, jika perkhidmatan seorang anggota perkhidmatan itu ditamatkan untuk kepentingan awam di bawah mana-mana undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 132 (2), penamatan perkhidmatan itu tidaklah bermakna buang kerja samada atau tidak keputusan menamatkan perkhidmatan itu berhubung dengan salahlaku pegawai itu atau pelaksanaan tugas yang tidak memuaskan olehnya berkaitan dengan jawatannya atau akibat-akibat penamatan itu melibatkan suatu elemen hukuman; dan proviso ini hendaklah disifatkan sebagai sebahagian integral Perkara ini mulai dari Hari Merdeka.”.

4. Perkara 141A Perlembagaan adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “Pengerusi” dalam Fasal (2) suatu koma dan perkataan-perkataan “seorang Timbalan Pengerusi”; dan

(b) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “Pengerusi” dalam Fasal (3) perkataan-perkataan “atau Timbalan Pengerusi”.

5. Perlembagaan adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan kepala Bahagian 11 dengan yang berikut—

“KUASA-KUASA KHAS MENENTANG PERBUATAN SUBVERSIF, KEKERASAN YANG DIRANCANG, DAN PERBUATAN-PERBUATAN DAN JENAYAH-JENAYAH YANG MEMUDARATKAN AWAM, DAN KUASA-KUASA DARURAT”;

(b) dalam nota bidai Perkara 149, dengan menggantikan noktah dengan koma dan menambah selepas sahaja koma itu yang berikut—

“tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam, dsb.”; dan

(c) dalam Fasal (1) Perkara 149, dengan menggantikan perenggan (e) dengan yang berikut—

“(e) yang mendatangkan mudarat kepada pen-yenggaraan atau perjalanan apa-apa bekalan atau perkhidmatan kepada orang-ramai atau mana-mana golongan orang-ramai dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya; atau

(f) yang mendatangkan mudarat kepada keten-teraman awam dalam, atau keselamatan, Persekutuan atau mana-mana bahagiannya.”.

Pindaan
bagi
Perkara
141A.

Pindaan
bagi
kepala
Bahagian
11 dan
Perkara
149.

Kuatkuasa
Perkara-
perkara 147
dan 180
mengenai
Perjanjian
seperti yang
dibentang-
kan dalam
Jadual
kepada
Akta ini,
dan
peruntukan-
peruntukan
Perjanjian
itu adalah
mengikat
seseorang
pegawai.

6. (1) Mulai dari hari yang ditetapkan, Perkara-perkara 147 dan 180 Perlembagaan dan undang-undang berhubung dengan pencen yang berkuatkuasa sebelum sahaja hari yang ditetapkan yang tersebut hendaklah terhenti dipakai bagi mana-mana pegawai yang mengenainya dipakai Perjanjian sebagaimana yang dibentangkan dalam Jadual kepada Akta ini atau bagi balu atau anaknya atau bagi wakil dirinya di sisi undang-undang.

(2) Perjanjian yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland mempertanggungkan Kerajaan United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland dengan tanggungjawab di atas pembayaran pencen bagi pegawai itu mengikut peruntukan-peruntukan Perjanjian tersebut hendaklah seperti yang dibentangkan dalam Jadual kepada Akta ini.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh dengan perintah dari semasa ke semasa meminda Perjanjian seperti yang dibentangkan dalam Jadual kepada Akta ini.

(4) Seseorang pegawai itu adalah terikat dengan syarat-syarat Perjanjian itu walaupun ia bukan satu pihak kepadanya dan mengenai pegawai itu undang-undang berhubung dengan pencen ialah peruntukan-peruntukan Perjanjian itu.

(5) Tiada seorang pegawai itu berhak membawa apa-apa tindakan, guaman atau apa-apa jua langkah pembicaraan lain terhadap Kerajaan Malaysia atau sesiapa yang bertindak untuk atau bagi pihak Kerajaan Malaysia berhubung dengan apa-apa perkara yang terkandung dalam Perjanjian atau berhubung dengan sesiapa yang terlibat oleh Perjanjian, dan tiada suatu mahkamah mempunyai apa-apa bidangkuasa untuk melayani apa-apa tindakan, guaman atau apa-apa jua langkah pembicaraan lain yang tersebut.

(6) Dalam seksyen ini, "Perjanjian" ertinya Perjanjian seperti yang dibentangkan dalam Jadual kepada Akta ini, dan perbahasaan-perbahasaan "hari yang ditetapkan" dan "pegawai" hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberi kepadanya dalam Perjanjian itu.

JADUAL

[Seksyen 6 (2)]

**PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN
KERAJAAN UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN
AND NORTHERN IRELAND BERHUBUNG DENGAN
PENCEN PEGAWAI-PEGAWAI AWAM MENGENAI PER-
KHIDMATAN DALAM MALAYSIA**

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland telah bersetuju seperti berikut :

Perkara 1**TAFSIRAN**

(1) Dalam Perjanjian ini, kecuali jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain :

- (a) "aktuari" ertinya seseorang Fellow Institute of Actuaries atau Fellow Faculty of Actuaries di Scotland atau seseorang yang mempunyai kelayakan yang sesuai dalam amalan aktuari yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia;
- (b) "hari yang ditetapkan" ertinya hari yang ditetapkan bersama antara Kerajaan United Kingdom dengan Kerajaan Malaysia;
- (c) (i) "elemen British", berhubung dengan sesuatu pencen, ertinya :
 - (aa) mengenai sesuatu pencen yang timbul dari kematian akibat cedera semasa bertugas atau akibat diserang suatu penyakit atau mengenai sesuatu pencen yang timbul dari cedera tersebut atau akibat suatu penyakit tersebut, iaitu cedera yang didapati atau suatu penyakit yang menyerang sebelum tarikh mula berkuatkuasa, kesemua kos;
 - (bb) mengenai sesuatu pencen yang timbul dari kematian akibat cedera semasa bertugas atau akibat suatu penyakit atau mengenai sesuatu pencen yang timbul dari cedera tersebut atau akibat suatu penyakit tersebut, iaitu suatu pencen yang timbul akibat suatu kejadian dalam masa perkhidmatan yang berkenaan, kadar (jika ada) pencen itu sepertimana kadar elaun dorongan pegawai itu pada tarikh ia mendapat cedera atau diserang penyakit itu berbanding dengan jumlah emolumen berpencennya pada tarikh tersebut;
 - (cc) mengenai sesuatu pencen balu dan anak yatim yang kena dibayar di bawah Enakmen Pencen Balu dan Anak Yatim, Bab 26 N.M.B. dan apa-apa pindaan kepadanya yang berkuatkuasa pada bila-bila masa sebelum hari yang ditetapkan dan dikanunkan sebelum tarikh tersebut (kemudian daripada ini disebut "Bab 26 N.M.B."), kesemua kos;
 - (dd) mengenai pampasan dan pampasan tambahan yang kena dibayar di bawah Perintah dalam Mesyuarat Borneo Utara (Pampasan dan Faedah-faedah Persaraan), 1963 dan Perintah dalam Mesyuarat Sarawak (Pampasan dan Faedah-faedah Persaraan), 1963, kesemua kos;

- (ee) mengenai mana-mana pencen lain (kecuali pencen balu dan anak yatim yang kena dibayar di bawah Bab 26 N.M.B., Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak, Bab 90 Sarawak Undang-undang Malaysia dan apa-apa pindaan kepadanya yang berkuatkuasa pada bila-bila masa sebelum hari yang ditetapkan dan dikanunkan sebelum tarikh tersebut (kemudian daripada ini disebut "Bab 90 Sarawak"), atau Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah, Bab 156 Sabah Undang-undang Malaysia dan apa-apa pindaan kepadanya yang berkuatkuasa pada bila-bila masa sebelum hari yang ditetapkan dan dikanunkan sebelum tarikh tersebut (kemudian daripada ini disebut "Bab 156 Sabah"), kadar pencen yang kena dibayar kepada atau mengenai seseorang pegawai, yang terakru dari perkhidmatan sebelum tarikh mula berkuatkuasa dan kadar (jika ada) yang terakru dari perkhidmatan yang berkenaan dan yang berkaitan dengan elaun dorongan;
- (ii) bagi maksud perenggan-kecil (1) (c) (i) Perkara ini, faedah-faedah pencen itu hendaklah dikira mengikut undang-undang pencen yang berkuatkuasa sebelum 1 April, 1971 dan dikanunkan sebelum tarikh tersebut dan mana-mana undang-undang lain yang disetujui oleh Kerajaan-kerajaan United Kingdom dan Kerajaan Malaysia bagi maksud perenggan-kecil ini;
- (iii) bagi maksud-maksud perenggan-kecil (1) (c) (i) (ee) Perkara ini, kadar pencen yang terakru
- (aa) dari perkhidmatan sebelum tarikh mula berkuatkuasa ialah kadar sepertimana jumlah emolumen berpencen yang dinikmati oleh pegawai itu dari perkhidmatan awamnya di bawah Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri sebelum tarikh mula berkuatkuasa berbanding dengan jumlah emolumen berpencennya yang dinikmati dalam masa semua perkhidmatan awamnya di bawah Kerajaan tersebut yang diambil-kira dalam menentukan amaun pencen tersebut;
- (bb) dari perkhidmatan yang berkenaan dan yang berkaitan dengan elaun dorongan, ialah kadar sepertimana jumlah elaun dorongan yang dinikmati oleh pegawai itu dalam masa perkhidmatannya yang berkenaan berbanding dengan jumlah emolumen berpencen yang dinikmati dalam masa semua perkhidmatan awamnya di bawah Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri yang diambil-kira dalam menentukan amaun pencen tersebut;

(d) "elaun dorongan" ertinya :

(i) mengenai seseorang pegawai yang termasuk di bawah perenggan-kecil (1) (f) (ii) Perkara ini, apa-apa elaun dorongan berpencen di bawah undang-undang pencen yang dinikmati oleh pegawai itu di bawah Perjanjian Perkhidmatan Seberang Laut (Borneo Utara), 1961 atau apa-apa perjanjian atau perkiraan yang meminda atau menggantikannya;

(ii) mengenai seseorang pegawai yang termasuk di bawah perenggan-kecil (1) (f) (iii) Perkara ini, apa-apa elaun dorongan berpencen di bawah undang-undang pencen yang dinikmati oleh pegawai itu di bawah Perjanjian Perkhidmatan Seberang Laut (Sarawak), 1961 atau apa-apa perjanjian atau perkiraan yang meminda atau menggantikannya;

(e) "elemen Malaysia" berhubung dengan sesuatu pencen ertinya kos penuh pencen itu lain daripada elemen British;

(f) "pegawai" ertinya seseorang pegawai yang ditakrifkan sedemikian dalam :

(i) Perjanjian Pegawai-pegawai Awam Persekutuan Tanah Melayu dan United Kingdom, 1959 antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan Baginda Queen di United Kingdom dan ditandatangani di Kuala Lumpur pada 27hb. Julai, 1959; atau

(ii) Perjanjian Pegawai-pegawai Awam (Sabah), 1964 antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Baginda Queen di United Kingdom dan ditandatangani di Kuala Lumpur pada 9hb. Julai, 1964; atau

(iii) Perjanjian Pegawai-pegawai Awam (Sarawak), 1964 antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Baginda Queen di United Kingdom dan ditandatangani di Kuala Lumpur pada 9hb. Julai, 1964; dan

yang bukan seseorang warganegara Malaysia pada 1hb. April, 1971 atau yang, setelah bersara dari perkhidmatan awam atau setelah mati dalam perkhidmatan awam selepas tarikh tersebut, bukan seorang warganegara Malaysia pada masa ia bersara atau mati, mengikut mana yang berkenaan;

(g) "tarikh mula berkuatkuasa" ertinya :

(i) mengenai perkhidmatan awam di bawah Kerajaan Malaysia sebagai seorang pegawai yang termasuk di bawah perenggan-kecil (1) (f) (i) Perkara ini, 31hb. Ogos, 1957;

(ii) mengenai perkhidmatan awam di bawah Kerajaan Malaysia sebagai seorang pegawai yang termasuk di bawah perenggan-kecil (1) (f) (ii) atau (1) (f) (iii) Perkara ini, 16hb. September, 1963;

- (h) "lain-lain perkhidmatan awam" ertinya perkhidmatan awam yang bukan di bawah Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri;
- (i) "pencen" ertinya pencen, ganjaran, pampasan atau apa-apa elaun persaraan atau lain-lain faedah seumpamanya, atau apa-apa kenaikan pencen, atau apa-apa carum yang kena dibayar-balik, atau bunga atas carum yang kena dibayar, kepada seseorang pegawai, yang kena dibayar di bawah undang-undang pencen oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri kepada atau mengenai seseorang pegawai, atau kepada balu atau anak seseorang pegawai atau kepada wakil dirinya di sisi undang-undang;
- (j) "emolumen berpencen" ertinya:
- (i) mengenai perkhidmatan awam di bawah Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri, emolumen yang termasukira untuk pencen di bawah undang-undang pencen;
 - (ii) mengenai lain-lain perkhidmatan awam, emolumen yang termasukira untuk pencen mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dalam perkhidmatan itu;
- (k) "undang-undang pencen" ertinya:
- (i) berhubung dengan pencen-pencen, lain daripada pencen balu dan anak yatim, mana-mana undang-undang, peraturan atau arahan pentadbiran yang mengadakan peruntukan bagi pembayaran pencen kepada pegawai-pegawai mengenai perkhidmatan awam dan yang berkuatkuasa dalam Malaysia pada bila-bila masa sebelum hari yang ditetapkan dan dikanunkan sebelum tarikh tersebut, termasuk Perintah dalam Mesyuarat Borneo Utara (Faedah-faedah Pampasan dan Persaraan), 1963 dan Perintah dalam Mesyuarat Sarawak (Faedah-faedah Pampasan dan Persaraan), 1963;
 - (ii) berhubung dengan pencen balu dan anak yatim, Bab 26 N.M.B., Bab 90 Sarawak, Bab 156 Sabah, Ordinan Pencen Syarikat Borneo Utara British, 1963, Ordinan No. 12 tahun 1963 dan apa-apa pindaan kepadanya yang berkuatkuasa pada bila-bila masa sebelum hari yang ditetapkan dan dikanunkan sebelum tarikh tersebut (dalam Perjanjian ini disebut "Ordinan Sabah No. 12") dan Bahagian III (serta apa-apa takrif dan peruntukan-peruntukan lain yang dipakai baginya) Ordinan Pencen, Bab 22 dalam Edisi Semakan Undang-undang Sarawak, 1946 dan apa-apa pindaan kepadanya yang berkuatkuasa pada bila-bila masa sebelum hari yang ditetapkan dan dikanunkan sebelum tarikh tersebut (dalam Perjanjian ini disebut "Bab 22 Sarawak"); dan
 - (iii) mana-mana undang-undang, peraturan atau arahan pentadbiran lain yang disetujui oleh Kerajaan United Kingdom dan Kerajaan Malaysia bagi maksud Perjanjian ini;

(l) "perkhidmatan awam" ertinya :

(i) perkhidmatan atas sifat sivil di bawah Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri atau mana-mana negeri atau wilayah lain dalam Komanwel;

(ii) perkhidmatan di bawah Suruhanjaya Tinggi Afrika Timur, Pertubuhan Perkhidmatan Bersama Afrika Timur, Pentadbiran Pos dan Telekomunikasi Afrika Timur, Pentadbiran Keretapi dan Pelabuhan Afrika Timur, Community Afrika Timur, Perbadanan Pelabuhan Afrika Timur, Perbadanan Pos dan Telekomunikasi Afrika Timur atau Perbadanan Keretapi Afrika Timur;

(iii) perkhidmatan berpencen :

(aa) di bawah Skim Persaraan Seberang Laut; atau

(bb) di bawah mana-mana Akta berhubung dengan persaraan guru di United Kingdom; atau

(cc) di bawah sesuatu pihakberkuasa tempatan di United Kingdom; atau

(dd) di bawah Perkhidmatan Kesihatan Negara United Kingdom; atau

(ee) di bawah Pejabat Pos, United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland;

(iv) apa-apa perkhidmatan lain yang disetujui oleh Kerajaan United Kingdom dan Kerajaan Malaysia sebagai perkhidmatan awam bagi maksud Perjanjian ini;

(v) kecuali bagi maksud menghitung sesuatu pencen, ganjaran atau lain-lain elaun dan bagi maksud menentukan pencen maksimum yang boleh diberi, perkhidmatan sebagai Gabenor yang mengenainya pencen boleh diberi di bawah Akta Pencen Seberang Laut, 1973, atau di bawah mana-mana Akta yang meminda atau menggantikan Akta itu;

(vi) perkhidmatan sebagai pemegang jawatan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Hakim Rayuan, Pendaftar, pegawai atau penjawat Mahkamah Rayuan bagi Afrika Timur yang ditubuhkan oleh Perintah dalam Mesyuarat Mahkamah Rayuan Afrika Timur, 1961 (United Kingdom S.I. 1961 No. 2323) atau Mahkamah Rayuan bagi Afrika Timur;

(vii) perkhidmatan dalam perkhidmatan Pesuruhjaya Sementara bagi West Indies;

(m) "perkhidmatan yang berkenaan" ertinya perkhidmatan awam di bawah Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri pada atau selepas tarikh mula berkuatkuasa;

(n) "Negeri" ertinya sesuatu Negeri dalam Malaysia;

(o) "elemen percukaian" ertinya jumlah wang yang diterima oleh kedua-dua Kerajaan sebagai setara dengan hasil cukai pendapatan atau apa-apa cukai seumpamanya yang diterima oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri atas apa-apa jumlah wang yang kena digantibalik mengikut perenggan-kecil (1) (d) Perkara 3;

- (p) "pencen balu dan anak yatim" ertinya pencen-pencen yang kena dibayar di bawah Bab 26 N.M.B., Ordinan Sabah No. 12, Bab 156 Sabah, Bab 22 Sarawak dan Bab 90 Sarawak.

(2) Sebutan-sebutan mengenai Kerajaan Malaysia, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, atau Kerajaan sesuatu Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan-sebutan mengenai mana-mana Kerajaan yang dahulunya atau Kerajaan yang menggantinya, mengikut mana yang berkenaan.

Perkara 2

MEMINDAH TANGGUNGAN KEPADA KERAJAAN UNITED KINGDOM

Mulai dari hari yang ditetapkan tanggungan Kerajaan Malaysia mengenai pencen hendaklah dipindahkan kepada Kerajaan United Kingdom yang mana hendaklah, dengan itu, bertanggungjawab bagi mengawal, mentadbir dan membayar pencen yang telah diaward sebelum hari yang ditetapkan dan bagi mengaward, mengawal, mentadbir dan membayar pencen yang akan kena diaward pada atau selepas hari yang ditetapkan.

Perkara 3

TANGGUNGAN-TANGGUNGAN KERAJAAN UNITED KINGDOM

(1) Kerajaan United Kingdom mengaku janji:

- (a) bahawa ia akan mengaward, mengawal, mentadbir dan membayar pencen-pencen yang disebutkan dalam Perkara 2 Perjanjian ini kepada atau mengenai orang-orang yang berkenaan mengikut prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang terkandung dalam undang-undang pencen, dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu berikutan dengan pemindahan tanggungjawab di bawah Perjanjian ini, atau mengikut apa-apa prinsip dan kaedah-kaedah lain yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan United Kingdom selaras dengan perenggan yang berikut;
- (b) bahawa selain dari apa-apa ubahsuaian yang timbul oleh sebab pencen-pencen kena dibayar dari wang awam United Kingdom, ia tidak boleh memakai bagi atau berkenaan dengan seseorang pegawai, peruntukan-peruntukan yang lain daripada yang terkandung dalam undang-undang pencen (kecuali mana-mana peruntukan, nyata atau termaklum, berhubung dengan matawang dan cara pembayaran sesuatu pencen) supaya peruntukan-peruntukan itu menjadi kurang bagi seseorang benefisyari atau benefisyari potensi, daripada peruntukan-peruntukan yang kena dipakai baginya pada hari yang ditetapkan: Dengan syarat bahawa jika seseorang benefisyari atau benefisyari potensi memilih supaya mana-mana peruntukan dipakai baginya, peruntukan itu hendaklah disifatkan sebagai lebih baik baginya;

(c) bahawa jika dalam sesuatu tindakan, guaman atau lain-lain pembicaraan berhubung dengan sesuatu pencen yang telah diambil tanggungjawab oleh Kerajaan United Kingdom di bawah Perjanjian ini, keputusan telah dibuat, dengan perintah, oleh suatu mahkamah undang-undang yang berkekuasaan yang berbidangkuasa dalam Malaysia atau di luar Malaysia, bahawa Kerajaan Malaysia adalah bertanggungjawab membayar kepada atau mengenai seseorang pegawai atau kepada balu atau anak atau wakil diri di sisi undang-undang seseorang pegawai yang telah mati apa-apa jumlah wang, maka Kerajaan United Kingdom hendaklah membayar balik kepada Kerajaan Malaysia apa-apa jumlah wang yang telah dibayar kepada orang tersebut bagi maksud mematuhi perintah mahkamah itu; tetapi dalam hal yang demikian Kerajaan United Kingdom adalah bebas untuk mengurangkan sebanyak jumlah wang itu, atau menahan sama sekali, apa-apa pembayaran pencen itu kepada atau mengenai orang tersebut yang mana, jika tidak, kena dibuat oleh Kerajaan United Kingdom di bawah Perjanjian ini;

(d) bahawa mereka akan menggantibalik kepada Kerajaan Malaysia, mengikut acara yang mungkin diatur bersama oleh kedua-dua Kerajaan, amaun agregat, selepas ditolak elemen percukaian, pembayaran-pembayaran yang berikut yang kena dibayar pada atau selepas 1hb. April, 1973, iaitu amaun-amaun yang kena dibayar di bawah undang-undang pencen, dan dibuat oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri kepada atau mengenai pegawai-pegawai:

(i) kos penuh pembayaran yang merupakan kadar sesuatu pencen (kecuali pencen balu dan anak yatim) yang kena dibayar kepada atau mengenai seseorang pegawai yang terakru dari perkhidmatan awam di bawah Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri sebelum tarikh mula berkuatkuasa;

(ii) apa-apa kadar (jika ada) kos pembayaran yang merupakan bahagian pencen (kecuali pencen balu dan anak yatim) yang kena dibayar kepada atau mengenai seseorang pegawai, yang terakru dari perkhidmatan awam di bawah Kerajaan sesuatu Negeri pada atau selepas tarikh mula berkuatkuasa, sebagaimana yang berkaitan dengan elaun dorongannya;

(iii) kos penuh pembayaran yang merupakan pampasan dan pampasan tambahan yang kena dibayar di bawah Perintah dalam Mesyuarat Borneo Utara (Faedah-faedah Pampasan dan Persaraan), 1963 dan Perintah dalam Mesyuarat Sarawak (Faedah-faedah Pampasan dan Persaraan), 1963.

(2) Bagi maksud perenggan-kecil (1) (d) (i) dan (ii) Perkara ini:

(a) kadar sesuatu pencen yang terakru dari perkhidmatan awam di bawah Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri sebelum tarikh mula berkuatkuasa ialah kadar sepertimana jumlah emolumen berpencen yang dinikmati oleh seseorang

pegawai dari perkhidmatan awamnya di bawah Kerajaan tersebut sebelum tarikh mula berkuatkuasa berbanding dengan jumlah emolumen berpencennya yang dinikmati dalam masa semua perkhidmatan awamnya di bawah Kerajaan tersebut yang diambilkira dalam menentukan amaun pencen itu;

(b) tertakluk kepada perenggan-kecil (c) perenggan ini kadar sesuatu pencen yang berkaitan dengan elaun dorongan ialah kadar sepertimana jumlah elaun dorongan yang dinikmati oleh seseorang pegawai dalam masa perkhidmatannya yang berkenaan di bawah Kerajaan sesuatu Negeri berbanding dengan jumlah emolumen berpencen yang dinikmati dalam masa semua perkhidmatan awamnya di bawah Kerajaan tersebut yang diambilkira dalam menentukan amaun pencen itu;

(c) mengenai pencen yang timbul dari kematian akibat cedera semasa bertugas atau akibat diserang suatu penyakit atau mengenai sesuatu pencen yang timbul dari kecederaan tersebut atau dari penyakit tersebut, iaitu pencen akibat dari suatu kejadian dalam masa perkhidmatan yang berkenaan, kadar yang berkaitan dengan elaun dorongan ialah kadar pencen sepertimana kadar elaun dorongan pegawai itu pada tarikh ia mendapat cedera itu atau diserang penyakit itu berbanding dengan jumlah emolumen berpencennya pada tarikh tersebut;

(d) faedah-faedah pencen hendaklah dikira mengikut undang-undang pencen yang berkuatkuasa sebelum 1hb. April, 1971 dan dikanunkan sebelum tarikh tersebut, dan mana-mana undang-undang pencen lain yang disetujui oleh Kerajaan United Kingdom bagi maksud perenggan ini.

Perkara 4

TANGGUGAN-TANGGUGAN KERAJAAN MALAYSIA

(1) Kerajaan Malaysia mengakujanji:

(a) bahawa ia akan terus bertanggungjawab mengenai apa-apa ansuran pencen yang diberi kepada atau mengenai seseorang pegawai yang masih belum dibayar pada hari yang ditetapkan;

(b) bahawa mulai daripada hari yang ditetapkan ia tidak lagi bertanggungjawab terhadap pencen dan akan melepaskan tanggungjawab bagi mengaward, mengawal, mentadbir dan membayar sesuatu pencen kepada atau mengenai seseorang pegawai melainkan dengan mengikut syarat-syarat Perjanjian ini;

(c) bahawa ia akan membayar kepada Kerajaan United Kingdom mengikut apa-apa perkiraan yang disetujui oleh kedua-dua Kerajaan:

(i) mengenai sesuatu pencen (kecuali pencen balu dan anak yatim yang kena dibayar di bawah Bab 26 N.M.B., Bab 90 Sarawak atau Bab 156 Sabah, dan sesuatu pencen yang kena dibayar di bawah Ordinan Sabah No. 12 atau Bab 22 Sarawak) yang diaward sebelum hari yang ditetapkan kepada atau mengenai seseorang pegawai, sejumlah wang yang merupakan kos, jika ada, elemen Malaysia bagi pencen tersebut;

- (ii) mengenai sesuatu pencen (termasuk pencen balu dan anak yatim) yang kena dibayar di bawah Ordinan Sabah No. 12 atau Bab 22 Sarawak kepada atau mengenai seseorang pegawai, sejumlah wang yang merupakan kos, jika ada, elemen Malaysia bagi pencen tersebut;
- (iii) mengenai sesuatu pencen (kecuali pencen balu dan anak yatim yang kena dibayar di bawah Bab 26 N.M.B., Bab 156 Sabah atau Bab 90 Sarawak atau berkenaan dengan perenggan-kecil (1) (c) (iii) (aa) Perkara ini, sesuatu pencen atau pencen balu atau anak yatim yang kena dibayar di bawah Ordinan Sabah No. 12 atau Bab 22 Sarawak), yang diaward pada atau selepas hari yang ditetapkan kepada atau mengenai seseorang pegawai dalam perkhidmatan awam pada hari yang ditetapkan:
 - (aa) bahagian jumlah wang yang akan merupakan elemen Malaysia bagi sesuatu pencen, jika perkhidmatan awam pegawai itu terhenti pada hari yang ditetapkan, yang berkaitan dengan perkhidmatan awam pegawai itu di bawah Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri hingga ke hari sebelum sahaja hari yang ditetapkan; dan
 - (bb) 25% dari emolumen berpencen yang diperolehi oleh seseorang pegawai dalam masa mana-mana bahagian perkhidmatan awamnya di bawah Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri yang berlaku pada atau selepas hari yang ditetapkan;
- (iv) mengenai pencen balu dan anak yatim yang kena dibayar di bawah Bab 26 N.M.B, sejumlah wang yang merupakan kos apa-apa kenaikan yang diaward sebelum hari yang ditetapkan dan yang tidak disetujui oleh Kerajaan United Kingdom;
- (v) mengenai pencen balu dan anak yatim (kecuali pencen balu dan anak yatim yang kena dibayar di bawah Bab 26 N.M.B., Ordinan Sabah No. 12 atau Bab 22 Sarawak) apa-apa saham, kumpulanwang, sekuriti atau wang yang merupakan kepentingan dalam Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah yang ditubuhkan di bawah Bab 156 Sabah dan dalam Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak yang ditubuhkan di bawah Bab 90 Sarawak bagi pegawai-pegawai pencarum dan benefisyari-benefisyari potensi mereka yang masih hidup pada hari yang ditetapkan dan benefisyari-benefisyari pegawai-pegawai pencarum yang telah mati, yang masih hidup pada hari yang ditetapkan;
- (vi) mengenai seseorang pegawai yang terus berkhidmat dalam perkhidmatan yang berkenaan pada atau selepas hari yang ditetapkan, carum-carum Kerajaan Malaysia kepada skim untuk pencen balu dan anak yatim yang mana, jika tidak kerana peruntukan-peruntukan Perjanjian ini, mungkin telah dibayar dalam masa perkhidmatan yang berkenaan itu di bawah peruntukan-peruntukan Bab 156 Sabah atau Bab 90 Sarawak;

(d) bahawa pembayaran mengenai pampasan dan ganjaran yang dibayar di Malaysia kepada atau mengenai seseorang pegawai oleh Kerajaan United Kingdom mengikut prinsip-prinsip Perintah dalam Mesyuarat Borneo Utara (Faedah-faedah dan Pampasan Persaraan), 1963 dan Perintah dalam Mesyuarat Sarawak (Faedah-faedah Pampasan dan Persaraan), 1963 di bawah Perkara 3 akan dikecualikan daripada cukai pendapatan dalam Malaysia;

(e) bahawa ia akan dengan seberapa segera yang boleh, selepas hari yang ditetapkan dan mulai dari hari itu, memperkanunkan undang-undang dalam negeri yang perlu untuk menguatkuasakan Perkara ini.

(2) Jumlah wang yang kena dibayar di bawah perenggan-perenggan kecil (1) (c) (i), (1) (c) (ii), (1) (c) (iii) (aa), (1) (c) (iv) dan (1) (c) (v) Perkara ini hendaklah secara aktuari ditentukan bersesama oleh dua orang aktuari, seorang dinamakan oleh Kerajaan United Kingdom dan seorang dinamakan oleh Kerajaan Malaysia dan hendaklah dikurangkan sebanyak suatu jumlah wang yang disetujui oleh kedua-dua Kerajaan sebagai merupakan cukai yang mungkin telah diterima oleh Kerajaan Malaysia mengenai elemen Malaysia pencen itu.

Perkara 5

MEMBERI MAKLUMAT

Tiap-tiap satu Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah, apabila diminta oleh Pihak yang satu lagi itu, memberi kepada Pihak tersebut apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam permintaan itu berhubung dengan perjalanan perkiraan-perkiraan yang terkandung dalam Perjanjian ini.

Perkara 6

MENGUBAHSUAI PERJANJIAN-PERJANJIAN DAHULU

(1) Pada dan selepas hari yang ditetapkan peruntukan-peruntukan apa-apa perkiraan berhubung dengan penggantian bayaran kepada Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri oleh Kerajaan United Kingdom akan sesuatu kadar kos sesuatu pencen hendaklah terhenti dipakai bagi sesuatu pencen yang kena dibayar kepada atau mengenai seseorang pegawai yang baginya dipakai Perjanjian ini mengenai apa-apa tempoh bermula pada hari yang ditetapkan.

(2) Pada dan selepas hari yang ditetapkan peruntukan-peruntukan fasal-fasal 3, 4, 5, 6, 7 dan 8 Perjanjian Pegawai-pegawai Awam Persekutuan Tanah Melayu dan United Kingdom, 1959 hendaklah terhenti dipakai bagi atau mengenai pegawai-pegawai yang baginya dipakai Perjanjian ini.

(3) Pada dan selepas hari yang ditetapkan, peruntukan-peruntukan Perkara-perkara 3, 4, 5 dan 6, perkataan-perkataan "and shall take any action that may be necessary to preserve his pension rights when he is so transferred or promoted" dalam Perkara 8 (2) dan Perkara 9 Perjanjian Pegawai-pegawai Awam (Sabah), 1964 dan Perjanjian Pegawai-pegawai Awam (Sarawak), 1964 hendaklah terhenti dipakai bagi atau mengenai pegawai-pegawai yang baginya dipakai Perjanjian ini.

Perkara 7

MENGUBAHSUAI PERJANJIAN INI

Jika Kerajaan United Kingdom dan Kerajaan Malaysia bersama-sama memutuskan bahawa Perjanjian ini patut diubahsuai dalam sesuatu kes atau kelas kes-kes tertentu, peruntukan-peruntukan Perjanjian ini yang tersebut di atas hendaklah dipakai bagi kes atau kes-kes itu dengan apa-apa ubahsuaian, tambahan atau kecualian yang perlu untuk menguatkuasakan keputusan bersama itu.

Perkara 8

MULA BERKUATKUASA

Tiap-tiap satu Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah memberitahu Pihak yang satu lagi itu secara bertulis setelah sahaja ia siap membuat perkiraan-perkiraan Awal yang perlu untuk membolehkannya melaksanakan Perjanjian ini, dan Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh pemberitahuan yang terkemudian di antara dua pemberitahuan ini.

Perkara 9

NAMA

Perjanjian ini bolehlah dinamakan Perjanjian Pencen Malaysia-United Kingdom (Pemindahan Tanggungan), 1977.

Pada menyaksikan hal di atas, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing telah menandatangani Perjanjian ini.

Diperbuat dalam dua salinan asal di Kuala Lumpur, pada 1 haribulan November, 1977.

TAN SRI ABDULLAH BIN SALLEH,
Bagi pihak Kerajaan Malaysia

SIR ERIC NORRIS,
*Bagi pihak Kerajaan United
Kingdom of Great Britain
and Northern Ireland*

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Perlembagaan berhubung dengan peruntukan-peruntukan mengenai keanggotaan Dewan Negara, hak anggota-anggota perkhidmatan awam mengenai perkara-perkara tertentu, keanggotaan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan undang-undang menentang perbuatan-perbuatan subversif dan tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam. Rang Undang-undang ini juga bertujuan membuat peruntukan-peruntukan tertentu bagi menguatkuasakan Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland berhubung dengan pencen.

2. *Fasal 2* mencadangkan supaya dipinda Perkara 45 untuk membolehkan dua orang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menjadi ahli Dewan Negara untuk mewakili kepentingan-kepentingan Wilayah Persekutuan. Fasal ini juga bertujuan menambah bilangan ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik menjadi empat puluh tetapi tempoh jawatan ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik selepas mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini ialah tiga tahun. Tempoh jawatan ahli-ahli Dewan Negara yang sedang berkhidmat adalah tetap enam tahun.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda Fasal (2) Perkara 135 untuk menghapuskan apa-apa keraguan tentang hak-hak seorang anggota perkhidmatan awam yang perkhidmatannya telah ditamatkan kerana kepentingan awam. Tidaklah syak lagi bahawa anggota-anggota perkhidmatan awam memegang jawatan selama tempoh yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan jika perkhidmatan anggota itu ditamatkan oleh Kerajaan bukan akibat pembicaraan disiplin, maka Perkara 135 tidaklah dipakai. Parlimen memberikan hak untuk didengar, di bawah Perkara 135, jika seorang anggota perkhidmatan awam dibuang kerja atau diturunkan pangkat sahaja.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda Perkara 141A dengan mengadakan peruntukan bagi perlantikan seorang Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

5. *Fasal 5* bercadang meluaskan bidang Perkara 149 supaya meliputi perkara-perkara yang diperuntukkan di bawah Perkara 149 (1) (e) dan (f) dalam Rang Undang-undang ini. Adalah didapati perlu dimasukkan di bawah Perkara 149 perkara-perkara tertentu yang diperuntukkan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969. Pindaan ini akan memberi kepada Parlimen kuasa untuk membuat undang-undang mengenai perkara-perkara tersebut di atas asas yang lebih kekal. Pindaan ini difikirkan perlu oleh sebab anasir-anasir subversif dan aktiviti-aktiviti yang mudarat tidak dapat dipisahkan dari jenayah-jenayah yang mengganggu penyenggaraan bekalan-bekalan dan perkhidmatan-perkhidmatan perlu.

6. *Fasal 6* bertujuan untuk mengecualikan pemakaian Perkara-perkara 147 dan 180 Perlembagaan terhadap pesara-pesara yang mengenainya tanggungjawab terhadap pembayaran pencen telah diambilalih oleh Kerajaan United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland di bawah suatu Perjanjian yang telah dibuat dengan Kerajaan Persekutuan.

7. Pada hari yang ditetapkan di bawah Perjanjian tersebut yang dibentangkan dalam Jadual kepada Akta yang dicadangkan itu, undang-undang berhubung dengan pencen yang berkuatkuasa sebelum sahaja tarikh tersebut akan terhenti dipakai bagi pesara-pesara itu dan pencen-pencen mereka akan dibayar mengikut peruntukan-peruntukan Jadual kepada Akta yang dicadangkan itu (*Fasal-fasal 6 (1) dan 6 (2)*).

8. Apabila sahaja Perjanjian itu mula berkuatkuasa, Kerajaan Malaysia akan terhenti bertanggungjawab berhubung dengan pesara-pesara itu dan tidak akan tertakluk kepada apa-apa guaman mahkamah atas apa-apa perkara berhubung dengannya (*Fasal 6 (5)*).

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[P.N. (U²) 918.]